

## **BAB EMPAT**

### **AMALAN MEROKOK DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI MASJID TANAH, MELAKA**

#### **4.1 Pendahuluan**

Dalam kajian bab ini, kajian ditumpukan terhadap usaha-usaha mengenal-pasti keadaan dan budaya merokok yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu Masjid Tanah, Melaka.

Ia bertujuan untuk mencapai maksud tajuk kajian supaya bersifat lebih meyakinkan dan seterusnya menghasilkan kajian yang menepati kehendak penyelidikan itu sendiri.

#### 4.2 Masjid Tanah dan penduduk

Semenanjung Malaysia terbahagi kepada 4 wilayah pembangunan dan Melaka termasuk di dalam Wilayah Tengah iaitu bersama-sama dengan Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan.

Manakala dari segi pentadbiran, negeri Melaka terbahagi kepada tiga daerah utama iaitu Daerah Melaka Tengah, Daerah Alor Gajah dan Daerah Jasin. Keseluruhan Daerah Alor Gajah terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Alor Gajah sebagai Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan. Dari segi keluasan kawasan adalah seluas 663 KM persegi.<sup>162</sup>

Kawasan Masjid Tanah pula merupakan sebahagian dari wilayah Kerajaan Negeri Melaka. Ia terletak di sebelah Barat Laut dan diletakkan di dalam Daerah Alor Gajah. Kawasan ini dikelolakan oleh Majlis Daerah Alor Gajah (MDAG) yang bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah Alor Gajah.

---

<sup>162</sup> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (t.t), *Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur 1993 - 2015 Majlis Daerah Alor Gajah*, T.TP : Majlis Daerah Alor Gajah, hal : 9 – 12.

Sementara itu, Bandar Alor Gajah telah dikenal pasti sebagai Pusat Separa Wilayah. Manakala pekan Masjid Tanah telah diklasifikasikan sebagai Pusat Pertumbuhan Utama. Ini berikutan peningkatan jumlah penduduk di kawasan ini meningkat dengan tinggi. (Rujuk jadual 4.2.1)

Jadual 4.2.1 : Masjid Tanah dan Penduduknya

DAERAH ALOR GAJAH	PENDUDUK		HIERARKI SEMASA
	1980	1991	
Alor Gajah	1,963	9,836	Pusat separa wilayah
Masjid Tanah	2,199	6,331	Pusat pertumbuhan utama
Pulau Sebang	5,770	6,097	Pusat penempatan kecil
Lendu	-	2,415	"
Simpang Empat	-	3,018	"
Durian Tunggal	825	4,250	"
Kuala Sg. Baru	788	3,318	"
Lubuk Cina	359	1,316	"
Machap Baru	2,491	3,703	"
Rumbia	845	3,138	"

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991, Berdasarkan penduduk dalam blok perhitungan

Dari segi pertumbuhan penduduk pula, penduduk daerah Alor Gajah bagi tahun 1980 adalah seramai 113,083 orang dan meningkat kepada 115,620 orang pada tahun 1991. Kadar pertumbuhannya adalah sebanyak 0.2% berbanding 1.1% bagi negeri Melaka. (Rujuk jadual 4.2.2)

Jadual 4.2.2 : Pertumbuhan Penduduk

Daerah	1980		1991		Kadar pertumbuhan tahunan (1980 – 1991)
	Bil	%	Bil	%	
Melaka Tengah	246,183	55.1%	295,999	58.7%	1.70
Alor Gajah	113,083	25.3%	115,620	22.9%	0.20
Jasin	87,523	19.6%	92,883	18.4%	0.55
Melaka	446,769	100%	504,502	100%	1.1

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991, Berdasarkan penduduk dalam blok perhitungan

Dari jumlah ini, adalah dijangkakan pada tahun 2015 nanti, penduduk di kawasan Masjid Tanah akan bertambah menjadi 11,999 orang<sup>163</sup> berdasarkan unjuran taburan penduduk. Ia mewakili 11% dari jumlah pertambahan penduduk secara keseluruhan di negeri Melaka menjelang 2015 itu nanti.<sup>164</sup>

Ini disokong oleh kedudukan struktur ekonomi pada masa hadapan yang menjadikan kawasan ini berada di dalam kelompok kumpulan A. Ini secara tidak langsung menyediakan pasaran kerja yang mencukupi bagi penduduknya(Pusat Pertumbuhan Utama). (Rujuk jadual 4.2.3)

<sup>163</sup> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (t.t), op. cit, hal : 2 - 13.

<sup>164</sup> Majlis Daerah Alor Gajah (MDAG) (t.t), *Melabur Di Alor Gajah*, T.T.P : T.P, hal : 12

Jadual 4.2.3 : Unjuran Penduduk

Klasifikasi	Bandar/Pekan	Penduduk 1991**	Penduduk 2015**
KELAS A (Metropolis)	Bandar Melaka	74,962	142,080
KELAS A (Pusat Pertumbuhan Utama)	Jasin	10,858	20,580
	Alor Gajah	9,836	18,643
	<b>Masjid Tanah</b>	<b>6,331</b>	<b>11,999</b>
	Merlimau	7,277	13,792
	Pulau Sebang	6,097	11,556
KELAS B (Pusat Pertumbuhan Kecil)	Selandar	2,017	3,823
	Lendu	2,415	4,577
	Simpang Empat	3,018	5,720
	Gadek	3,552	6,732
	Kuala Linggi	2,305	4,369
	Batang Melaka	1,942	3,681
	Bemban	3,024	5,731
	Durian Tunggal	4,250	8,055
	Sungai Rambai	2,821	5,347
	Umbai	-	-
KELAS C (Pusat Pertumbuhan Kecil)	Nyalas	2,425	4,596
	Asahan	2,067	3,918
	Lubok China	1,316	2,494
	Kuala Sg Baru	3,318	6,289
	Rumbia	3,138	4,747
	Melaka Pindah	2,050	3,885
KELAS D (Pusat Desa)	Machap Baru	3,707	7,018
	Kesang Pajak	1,733	3,285
	Chin Chin	1,907	3,614
	Brisu	916	1,736
	Serkam	-	-
	Kuala Sungga	2,660	5,042
	Pgkln. Balak	2,598	4,924
	Tehel	-	-
	Ayer Pa'bas	-	-

Sumber :\*\* Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991, Berdasarkan penduduk dalam blok perhitungan,(kawasan pentadbiran + \_ kawasan tepu bina)

Nota: Kadar pertumbuhan purata 2.7% setahun

Kenyataan ini semakin jelas, apabila bandar ini menjadi pusat kedua terpenting dan pusat perdagangan utama bagi Majlis Daerah Alor Gajah (MDAG). Keluasan untuk kegunaan perniagaan ialah 9.75 hektar iaitu paling luas berbanding dengan pusat penempatan lain. Di bandar ini juga, terdapat kegunaan pendidikan (sekolah) yang luas iaitu 26.71 hektar.<sup>165</sup>

Bandar ini akan terus dibangunkan sebagai pusat perdagangan utama. Kemudahan-kemudahan perniagaan, kemasyarakatan dan infrastruktur akan dibangunkan bersesuaian dengan unjuran penduduk seramai 12,000 orang pada tahun 2015 nanti. Tapak pembangunan industri di Kawasan Perindustrian Masjid Tanah seluas 150 hektar akan memungkinkan pembangunan ekonomi bandar ini.<sup>166</sup>

Secara asas, kawasan Daerah Alor Gajah mempunyai keluasan daerah sebanyak 66,302 hektar atau 660 KM persegi. Ia termasuk 31 mukim yang berperanan sebagai penghubung kepada majlis daerah. Manakala dari segi jumlah perkampungannya pula, Alor Gajah mengandungi sebanyak empat kategori kampung iaitu;

- 1- Kampung tradisi - 172 buah
- 2- Kampung baru - 05 buah
- 3- Kampung orang asli - 02 buah
- 4- FELDA - 03 buah

<sup>165</sup> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (t.t), op. cit, hal : 5 - 7.

<sup>166</sup> Majlis Daerah Alor Gajah (MDAG) (t.t), op. cit, hal : 15.

Dari jumlah keseluruhan ini, mukim Masjid Tanah mempunyai hanya mengandungi sebanyak 9 buah kampung sahaja, yang kemudiannya dikategorikan mengikut pengelasan kampung dengan mengambil-kira jumlah penduduk selain faktor-faktor kemudahan awam.(Rujuk jadual 4.2.4)

Jadual 4.2.4 : Mukim Masjid Tanah

BILANGAN	MUKIM MASJID TANAH	PENGKELASAN KAMPUNG
	NAMA KAMPUNG	
1.	KG. SOLOK AYER LIMAU	A
2.	KG. PAYA RUMPUT	A
3.	KG. MASJID TANAH	A
4.	SOLOK DURIAN DAUN	C
5.	KG. LEKOK	C
6.	KG. TENGAH	C
7.	KG. SOLOK KAYU ARA	C
8.	KG. SOLOK BERANGAN	C
9.	KG. SOLOK CHEMBANG	C

Di dalam sistem pengelasan ini, 'KELAS A' membawa maksud berikut;

1. Kampung yang kukuh dan mempunyai penduduk lebih daripada 1,000 orang
2. Perhubungan berhampiran dengan;

- a- sistem perhubungan utama
  - b- projek kerajaan, kawasan lebuh raya  
dan rancangan pembangunan pertanian
3. Pembangunan kemudahan awam cukup

Manakala 'KELAS B' pula diklasifikasikan sebagai kampung;

1. Kampung kecil dan mempunyai penduduk kurang daripada 750 orang.
2. Penyediaan kemudahan awam tidak mencukupi, berfungsi sebagai kawasan 'catchmunt' bagi sekolah, klinik dan kedai bagi kampung lain atau bandar terdekat.
3. Lokasi kampung kurang berhampiran dengan sistem jalan raya dan masih bergantung kepada pertanian.

Sementara itu, 'KELAS C' pula menerangkan maksud kampung sebagai;

1. Kampung kecil yang bertaburan dan mempunyai penduduk kurang daripada 500 orang
2. Pembangunan minimum dan penyediaan kemudahan awam adalah terhad.
3. Kampung di kawasan pendalaman dan sukar dihubungi.
4. Manakala pertanian adalah atas ekonomi penduduk di sana<sup>167</sup>

---

<sup>167</sup> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, (t t), op cit, hal : Laporan awal dan lampiran

#### 4.3 Hasil Kajian

Dalam penyelidikan ini, hasil kajian dan perbincangan diterangkan menerusi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C.

Bahagian A mengemukakan hasil kajian berkaitan profil responden untuk mengenal pasti jantina, status perkahwinan, taraf dan jenis pendidikan, majikan tempat bekerja, pendapatan bulanan termasuk umur.

Manakala bahagian B pula menerangkan keadaan dan latar belakang kajian untuk lebih mengenal pasti punca, kekerapan dan faktor responden merokok. Pengkaji turut meninjau pengetahuan responden berkaitan hukum dan risiko merokok.

Bahagian C pula menjelaskan tentang sebab-sebab merokok. Jumlah peratus yang diperoleh menggambarkan situasi perokok sama ada disebabkan gejala sosial, rangsangan, aktiviti tangan dan mulut, kerehatan menikmati rokok, mengurangkan ketegangan, ketagihan dan tabiat automatik. Jumlah peratus yang diperoleh ialah di antara 3 hingga 15. Jumlah markah yang mencapai 11 atau lebih dianggap tinggi, manakala jumlah di bawah 7 dianggap rendah.

#### 4.3 Hasil Kajian

Dalam penyelidikan ini, hasil kajian dan perbincangan diterangkan menerusi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C.

Bahagian A mengemukakan hasil kajian berkaitan profil responden untuk mengenal pasti jantina, status perkahwinan, taraf dan jenis pendidikan, majikan tempat bekerja, pendapatan bulanan termasuk umur.

Manakala bahagian B pula menerangkan keadaan dan latar belakang kajian untuk lebih mengenal pasti punca, kekerapan dan faktor responden merokok. Pengkaji turut meninjau pengetahuan responden berkaitan hukum dan risiko merokok.

Bahagian C pula menjelaskan tentang sebab-sebab merokok. Jumlah peratus yang diperoleh menggambarkan situasi perokok sama ada disebabkan gejala sosial, rangsangan, aktiviti tangan dan mulut, kerehatan menikmati rokok, mengurangkan ketegangan, ketagihan dan tabiat automatik. Jumlah peratus yang diperoleh ialah di antara 3 hingga 15. Jumlah markah yang mencapai 11 atau lebih dianggap tinggi, manakala jumlah di bawah 7 dianggap rendah.

#### 4.3.1 Profil Responden

Jadual 4.3.1a : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	n = 100	%
Lelaki	100	100
Perempuan	0	0

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan perkara berkaitan dengan taburan responden mengikut jantina. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih 100 orang responden yang terdiri daripada 100 orang (100 %) dan kesemuanya adalah lelaki dan tidak diperoleh responden di kalangan perempuan. Ini menunjukkan responden lelaki lebih ramai merokok berbanding responden perempuan. Perbezaan ketara ini ada kaitan dengan faktor budaya masyarakat di sini hidup di dalam suasana kampung.

Jadual 4.3.1b : Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Status	n = 100	%
Bujang	43	43
Berkahwin	57	57
Duda/Janda	0	0

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan perkara yang berkaitan dengan taburan responden mengikut status perkahwinan. Dapatan kajian menunjukkan, responden yang telah Berkahwin lebih ramai berbanding status responden lain dengan mewakili sebanyak 57 %. Ini diikuti oleh responden yang masih Bujang dengan 43 %. Manakala responden Duda/Janda adalah sebaliknya.

Jadual 4.3.1c : Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	n = 100	%
Tidak Bersekolah	5	5
Sekolah Rendah	5	5
Sekolah Menengah Rendah	25	25
Sekolah Menengah Atas	57	57
Institut Pengajian Tinggi	8	8

Sumber : Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa responden yang berpendidikan Sekolah Menengah Atas adalah yang paling ramai dengan mewakili sebanyak 57 %. Ini diikuti pula oleh responden yang berpendidikan Sekolah Menengah Rendah iaitu seramai 25 orang atau 25 %. Manakala responden yang tidak mempunyai kelulusan pula adalah seramai 5 orang (5 %). Bagi yang mempunyai kelulusan Sekolah Rendah seramai 5 orang juga. Bagi responden yang berpendidikan tinggi menunjukkan hanya 8 % sahaja. Ini menggambarkan bahawa taraf pendidikan responden yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan sederhana dan ke atas. Ini turut menggambarkan bahawa masyarakat di kawasan kajian semakin maju di dalam bidang pendidikan dan menepati saranan kerajaan mencapai salah satu tahap kemajuan bagi menggapai wawasan negara.

Jadual 4.3.1d : Taburan Responden Mengikut Jenis Pendidikan

Jenis Pendidikan	n = 100	%
Agama/Pondok	3	3
Akademik	65	65
Agama & Akademik	32	32

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual 4.3.1d menunjukkan perkara berkaitan dengan taburan responden mengikut pendidikan terdahulu. Dapatan kajian menunjukkan hanya seramai 3 orang responden (3 %) yang mendapat pendidikan berteraskan Agama atau Pondok sahaja. Manakala responden berteraskan Akademik seramai 65 orang. Secara umum menunjukkan, taburan responden ini adalah paling ramai berbanding dengan yang lain iaitu 65 %. Manakala selebihnya adalah responden berpendidikan dari aliran Agama dan Akademik dengan jumlah peratus sebanyak 32 %.

Jadual 4.3.1e : Taburan Responden Mengikut Majikan

Majikan	n = 100	%
Kerajaan	30	30
Swasta	45	45
Bekerja Sendiri	17	17
Tidak Bekerja	8	8

Sumber : Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk di kawasan Masjid Tanah adalah mereka yang bekerja di sektor Swasta dengan jumlah peratusan tertinggi iaitu sebanyak 45 %. Ini memandangkan kawasan ini merupakan salah satu kawasan yang dikenal pasti untuk dimajukan oleh Majlis Daerah Alor Gajah, selain faktor kemajuan dan kemewahan yang diperoleh melalui sektor ini menarik minat penduduk. Sektor Kerajaan pula mengkoroti di belakang sektor swasta dengan mewakili sebanyak 30 % sahaja. Manakala sektor pekerjaan secara Persendirian dan Tidak Bekerja, masing-masing memperoleh peratusan rendah iaitu sebanyak 17 % dan 8 % sahaja.

Jadual 4.3.1f : Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan

Pendapatan	n = 100	%
Kurang RM 500	20	20
RM 501-RM 1000	35	35
RM 1001-RM 1500	35	35
RM 1501 ke atas	10	10

Sumber : Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual di atas, jumlah taburan responden mengikut pendapatan bulanan adalah hampir seimbang melainkan golongan berpendapatan dari RM 1501 dan ke atas sahaja mempunyai peratusan yang rendah iaitu sebanyak 10 % sahaja. Dari hasil dapatan ini menggambarkan bahawa masyarakat di kawasan Masjid Tanah, rata-rata mereka berada di tahap kehidupan yang sederhana serta ke bawah. Hasil tinjauan ke atas responden, golongan berpendapatan di antara RM 501 – RM 1000 dan RM 1001 – RM 1500 memperoleh peratusan yang sama dengan masing-masing sebanyak 35 %.

Manakala golongan berpendapatan RM 500 dan ke bawah pula hanya sebanyak 20 % sahaja. Ini turut menggambarkan secara puratanya, taraf kehidupan masyarakat di kawasan Masjid Tanah semakin meningkat dengan kadar kemiskinan semakin menurun.

Jadual 4.3.1g : Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	n = 100	%
Kurang 20 Tahun	18	18
21 – 30 Tahun	30	30
31 – 40 Tahun	32	32
41 Tahun ke atas	20	20

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual 4.3.1g pula menunjukkan taburan responden mengikut umur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan perokok adalah terdiri dari kalangan berumur antara 31 – 40 Tahun dengan peratus sebanyak 32% dan berumur antara 21 – 30 Tahun sebanyak 30 %. Keadaan ini diikuti pula oleh golongan berumur 41 Tahun ke atas selain mereka yang berumur 20 Tahun dan ke bawah dengan masing-masing mewakili sebanyak 20 % dan 18 %. Gambaran ini menandakan bahawa perokok di kawasan kajian akan berterusan dan jumlahnya tidak akan berkurangan dalam jangka masa terdekat. Ini kerana jumlah peratusan pada setiap tahap umur responden di kawasan kajian adalah hampir seimbang.

#### 4.3.2 Latar belakang Kajian

Berikut adalah latar belakang kajian untuk mengenal pasti situasi merokok serta keadaan-keadaan lain yang menyebabkan mereka terus merokok hingga sekarang.

Jadual 4.3.2a : Taburan Kekerapan Merokok Sehari

Kekerapan	n = 100	%
Sangat Kerap	8	8
Kerap	17	17
Sederhana	62	62
Tidak Kerap	13	13

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan kekerapan merokok dalam sehari. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa golongan merokok berada di tahap pertengahan dan ke atas di mana kekerapan merokok pada tahap sederhana memainkan fungsi terbesar dengan 62 % dan diikuti oleh golongan yang berada di tahap kerap dengan 17 %. Manakala golongan yang sangat kerap, peratusannya adalah paling kecil berbanding mereka yang tidak kerap dengan masing-masing sebanyak 8 % dan 13 %. Ini menunjukkan suasana merokok semakin berkembang kerana golongan yang kerap serta sederhana kerap ini akan semakin agresif untuk merokok terutama akibat kesan nikotin secara langsung. Manakala golongan yang tidak kerap akan beransur-ansur menambah kuantiti rokok yang dihisap setiap hari.

Jadual 4.3.2b : Jumlah Rokok Yang Dihisap Sehari

Jumlah Rokok	n = 100	%
< dari 10 batang	42	42
Antara 11 – 20	47	47
Antara 21 – 30	8	8
> dari 31 ke atas	3	3

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual ini menggambarkan jumlah setiap batang rokok yang dihisap oleh perokok dalam sehari. Jadual ini mempunyai hubungan dengan jadual sebelumnya dan ia sebagai persamaan terhadap kekerapan merokok dalam sehari. Dapatan kajian menggambarkan bahawa terdapat kebenaran di dalam perbandingan di antara dua jadual di atas iaitu perokok yang merokok antara 11 sehingga 20 batang mewakili sebanyak 47 % dan diikuti oleh golongan yang merokok kurang dari sepuluh batang sehari dengan sebanyak 42 % sahaja. Mereka yang merokok antara 21 hingga 30 batang dan selebihnya hanya mewakili sebanyak 8 % dan 3 %. Ini menunjukkan persekitaran merokok semakin berkembang dari peringkat bawah.

Ini bermakna golongan yang merokok secara lebih kerap boleh bertambah dengan tersusun di mana mereka yang menghisap rokok dalam kuantiti yang sederhana rendah boleh menambah bilangan rokok yang dihisap pada setiap hari terutama apabila mereka sudah ketagihan rokok. Jalinan perkembangan ini semakin bertambah secara perlahan-lahan.

Jadual 4.3.2c : Perbelanjaan Membeli Rokok Sebulan

Perbelanjaan	n = 100	%
< dari RM 50	47	47
Antara RM 51–RM 100	40	40
Antara RM 101–RM 150	8	8
> dari RM 151 ke atas	5	5

Sumber : Borang Soal Selidik

Berikut adalah jadual perbelanjaan untuk membeli rokok dalam sebulan. Majoriti perokok yang ditemui mengakui bahawa perbelanjaan mereka terhadap keperluan tersebut adalah rendah. Ini terbukti apabila perbelanjaan kurang dari RM 50 sebulan mencatat peratusan tertinggi iaitu 47 % dan ini diikuti dengan perbelanjaan RM 100 dan ke bawah dengan jumlah 40 %. Keadaan mungkin disebabkan beberapa faktor persekitaran yang mempengaruhi kehidupan mereka. Manakala perokok yang merokok lebih dari RM 151 adalah minoriti dengan jumlah peratus sebanyak 5 % sementara perokok yang berbelanja antara RM 101 – 150 sebulan sebanyak 8 % sahaja. Jika diambil kira dari RM 51 dan ke atas, ia bermakna 53 % berbelanja besar untuk membeli rokok dan jumlah ini amat besar dalam industri rokok. Ini yang dikatakan merokok merupakan pembaziran, malah ia tidak menyumbang sebarang kebaikan.

Jadual 4.3.2d : Jumlah Perbelanjaan Melebihi Sara Keluarga

> Sara Keluarga	n = 100	%
Ya	10	10
Tidak	90	90

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan bahawa perokok lebih mengutamakan perbelanjaan keluarga daripada membelanjakan wang untuk rokok di mana 90 % responden memberi tindak balas tersebut. Hanya 10 % sahaja membelanjakan rokok melebihi perbelanjaan keluarga.. Ini menunjukkan bahawa majoriti perokok di kawasan kajian membelanjakan wang untuk merokok kurang dari RM 100 dan ke bawah menepati gambaran yang ditunjukkan dalam jadual 4.3.2c kerana lebih dipengaruhi faktor di atas.

Jadual 4.3.2e : Keutamaan Perokok Yang Melebihi Perbelanjaan Sara Keluarga

Keutamaan	n = 4	%
Keluarga	2	50
Rokok	0	0
Rokok diikuti	2	50
Keluarga		
Tidak Tahu	0	0

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas adalah kesinambungan jadual 4.3.2d telah menunjukkan keutamaan perokok yang berbelanja melebihi keperluan keluarga mereka sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 50 % responden yang berbelanja lebih, tetapi mengutamakan keluarga berbanding keperluan diri sendiri walau pun mereka ingin menikmati rokok secara berlebihan. Manakala 50 % responden lagi tetap mengutamakan rokok. Kemudian baru diikuti oleh keluarga. Kesimpulannya, mereka tetap tidak mengabaikan keluarga walau pun merokok.

Jadual 4.3.2f : Permulaan Merokok

Sejak Umur	n = 100	%
< 20 Tahun	60	60
Antara 21-30 Tahun	32	32
Antara 31-40 Tahun	8	8
> dari 41 Tahun	0	0

Sumber : Borang Soal Selidik

Berikut adalah jadual berkenaan alam permulaan perokok menghadapinya dan berterusan sehingga ke hari ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti perokok mula merokok pada usia yang masih muda iaitu kurang dari 20 tahun dengan 60 % terjebak sejak dari usia remaja. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pengaruh kawan dan peranan iklan-iklan syarikat rokok yang disiarkan melalui media elektronik dan mesin cetak sehingga berjaya mempengaruhi mereka dan meraih keuntungan mudah. Manakala 32 % pula terdiri dari golongan berusia di antara 21 sehingga 30 tahun dan golongan berusia di antara 31 sehingga 40 tahun mewakili hanya 8 % sahaja. Secara keseluruhannya semua golongan di atas adalah pemuda

yang menjadi harapan agama, bangsa dan merupakan harapan utama negara pada masa akan datang.

Jadual 4.3.2g : Sebab-sebab Merokok

Sebab Merokok	n = 100	%
Menggambarkan Kematangan	5	5
Menggambarkan Diri Sudah Besar atau Hebat	10	10
Suka – suka	62	62
Lain-lain	23	23

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan punca yang menyebabkan mereka merokok. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan dari mereka merokok disebabkan perasaan ingin bersuka-ria atau 'relax' dengan peratusan sebanyak 62 %. Manakala 23 % lagi merokok kerana beberapa sebab lain dari gambaran kajian. Sementara itu hanya 10 % dan 5 % sahaja dengan masing-masing menunjukkan diri telah hebat dan matang. Pecahan peratusan ini menunjukkan bahawa strategi pemasaran hasil kerjasama di antara syarikat-syarikat rokok berjaya menawan perasaan perokok untuk meneruskan tabiat mereka.

Jadual 4.3.2h : Daya Tarikan Terhadap Rokok

Daya Tarikan	n = 100	%
Desakan Rakan-rakan	32	32
Tekanan Perasaan	3	3
Jalan Penyelesaian Mudah	30	30
Lain – lain	35	35

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan faktor daya tarikan ke arah merokok. Kebanyakannya mengakui faktor-faktor lain mempengaruhi mereka merokok dengan peratusan sebanyak 35 %. Sementara desakan rakan-rakan turut memainkan peranan yang aktif dengan 32 % dari mereka dipengaruhi oleh faktor ini. Selain itu, 30 % lagi menganggap rokok sebagai jalan utama sesuatu penyelesaian selain hanya 3 % peratus sahaja yang merokok akibat tekanan perasaan. Jadual ini memang ada kaitannya dengan jadual 4.3.2f dan 4.3.2g di mana faktor usia muda dan perasaan ingin bersuka-ria membantu pembentukan jadual ini.

Jadual 4.3.2i : Tempoh Masa Merokok

Tempoh Masa	n = 100	%
< dari 5 Tahun	32	32
Antara 6-15 Tahun	30	30
Antara 16 – 25 Tahun	30	30
> dari 26 Tahun ke atas	8	8

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan tempoh masa yang telah dilalui oleh perokok bagi memenuhi hasrat mereka. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 32 % merokok kurang dari 5 tahun. Manakala mereka yang telah merokok di antara 6 hingga 15 tahun dan 16 hingga 25 tahun masing-masing sebanyak 30 % pula. Hanya 8 % sahaja yang merokok lebih dari 26 tahun dan ke atas. Ini menunjukkan wujud keseragaman pembangunan tempoh masa merokok dan menandakan bahawa usaha untuk membanteras gejala-gejala merokok semakin gagal. Faktor ini merisaukan kerana segala usaha kerajaan yang telah membelanjakan jutaan ringgit setiap tahun untuk menghapuskan amalan merokok ini kurang berhasil.

Jadual 4.3.2j : Faktor-faktor Masih Merokok

Faktor	n = 100	%
Ketagihan Merokok	52	52
Keegoan & Kematangan	13	13
Tekanan Pekerjaan	15	15
Lain - lain	20	20

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan faktor-faktor perokok masih merokok. Dapatan kajian menunjukkan ketagihan menjadi faktor utama mengapa perokok terus terjebak ke kancan ini dengan jumlah peratus sebanyak 52 % dan ia mewakili lebih separuh dari faktor-faktor yang lain. Manakala tekanan pekerjaan selain keegoan dan kematangan, masing-masing mewakili 15 % dan 13 %. Sementara itu faktor lain-lain berada di tempat kedua selepas faktor ketagihan dengan 20 %. Faktor-faktor ini akan terus memainkan peranannya sehingga menyebabkan para perokok kekal bergantung

kepada bahan ini, terutama ketagihan kerana kandungan-kandungan di dalam rokok itu sendiri telah mempengaruhi situasi ini.

Jadual 4.3.2k : Perasaan Ingin Berhenti Merokok

Keinginan	n = 100	%
Pernah	82	82
Tidak Pernah	18	18

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan keinginan perokok untuk berhenti dari tabiat ini amat tinggi dengan 82 % atau 82 orang ingin berbuat demikian. Manakala sebilangan kecil sahaja atau 18 % masih kekal ingin merokok. Ini berpunca dari naluri mereka ingin berbuat demikian kerana kesedaran terhadap kesan merokok selain tidak memberi sebarang faedah dari semua segi.

Jadual 4.3.2l : Merokok Kembali

Merokok semula	n = 100	%
Ya	100	100
Tidak	0	0

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menggambarkan keadaan perokok yang 100 % terus merokok walau pun ada keinginan untuk berhenti. Ini mungkin berpunca aplikasi nilai-nilai pendidikan yang gagal dilaksanakan oleh setiap individu tersebut selain faktor kegagalan mengawal diri serta tidak tahu bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Peranan rakan-rakan sebaya adalah pendorong terbaik untuk terus merokok sehingga mengatasi keinginan diri untuk berhenti dari merokok.

Jadual 4.3.2m : Kesedaran Rokok Mengandungi Agen Kematian

Kesedaran	n = 100	%
Sangat Sedar	45	45
Sedar	45	45
Tidak Pasti	7	7
Tidak Sedar	3	3

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan tahap kesedaran perokok bahawa rokok merupakan salah satu agen yang boleh membawa kepada kematian. Rata-rata responden yang diselidik mempunyai tahap kesedaran yang tinggi di mana perasaan sangat sedar dan sedar, masing-masing mewakili 45 %. Sementara 7 % yang tidak pasti dan 3 % yang benar-benar tidak sedar. Dari dapatan ini, tahap kesedaran responden masih tidak boleh membantu responden keluar dari belenggu rokok. Ini memerlukan sifat mujahadah kerana kesabaran diri yang tinggi sangat dituntut untuk melepaskan tabiat merokok.

Jadual 4.3.2n : Kesedaran Rokok Penyebab Penyakit Kronik

Kesedaran	n = 100	%
Sangat Sedar	40	40
Sedar	50	50
Tidak Pasti	7	7
Tidak Sedar	3	3

Sumber : Borang Soal Selidik

Berikut adalah jadual tentang tahap kesedaran bahawa rokok boleh menyebabkan penyakit kronik. Majoriti responden yang disoal selidik mempunyai tahap kesedaran yang tinggi di mana perasaan sangat sedar dan sedar, masing-masing merangkumi 40 % dan 50 %. Manakala golongan yang tidak pasti adalah 7 % dan tidak sedar hanya 3 % sahaja. Perkara yang menimbulkan kehairanan ialah bagaimana rokok boleh terus berleluasa di kalangan masyarakat dan sukar dibasmi ?.

Jadual 4.3.2o : Kesedaran Hukum Merokok Adalah Haram

Kesedaran	n = 100	%
Sangat Sedar	10	10
Sedar	30	30
Tidak Pasti	60	60
Tidak Sedar	0	0

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual berikut adalah tahap kesedaran perokok tentang hukum rokok yang sebenar adalah haram. Dapatan kajian menunjukkan masyarakat masih tidak sedar tentang hakikat sebenar hukum merokok di dalam Islam. Ini dijelaskan dengan keputusan, hanya 10 % sahaja yang sangat sedar akan hukum tersebut. Namun mereka tetap juga merokok. Sementara itu, majoriti responden tidak pasti dengan keadaan hukum tersebut dengan 60 % dari mereka tidak jelas dengan hukum semasa selain faktor pengetahuan yang kurang memuaskan. Manakala golongan yang sedar pula hanya merangkumi 30 % sahaja. Jika dilihat secara umum tahap kesedaran tentang hukum sebenar ini adalah rendah iaitu sebanyak 40 % sahaja yang menyedarinya, setelah mengambil kira hasil dapatan dari tahap kesedaran di atas. Kemungkinan juga masyarakat tidak memahami hukum merokok yang sebenar disebabkan tidak ada kata sepakat (Ijmak) di kalangan para fuqaha' mengenai hukum merokok. Ini menyebabkan masyarakat keliru, selain industri rokok mengeksplotasi situasi ini untuk menarik perhatian masyarakat terutama dengan hukum harus dan makruh.

Jadual 4.3.2p : Persetujuan Hukum Merokok Adalah Haram

Persetujuan	n = 100	%
Sangat Setuju	8	8
Setuju	17	17
Tidak Pasti	48	48
Tidak Setuju	27	27

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan dapatan tentang persetujuan masyarakat perokok mengenai pengharaman rokok. Majoriti responden yang dikaji tidak bersetuju dengan keadaan hukum tersebut dengan 48 % tidak pasti dan 27 % lagi menentang dengan keras. Sementara itu, hanya 25 % sahaja yang bersetuju dengan hukum tersebut setelah mengambil kira keseluruhan perasaan sangat bersetuju dan setuju. Keadaan ini berlaku disebabkan tahap kesedaran yang masih rendah selain kekurangan maklumat yang tepat tentang suasana merokok sekarang. Tambahan pula, strategi pemasaran syarikat tembakau telah berjaya mempengaruhi perasaan perokok untuk terus ketagihan walaupun amaran tentang bahaya merokok telah dipaparkan di kotak-kotak rokok yang dipasarkan. Namun, berapa ramai yang menyedari tentang amaran itu dan bahaya merokok?. Mungkin mereka menyedari kedua-dua amaran tersebut tetapi tidak mengendahkannya.

Jadual 4.3.2q : Hukum Merokok Dan Alasan

Hukum Sebenar	n = 100	%
Haram	8	8
Harus	3	3
Sunat	24	24
Wajib	7	7
Makruh	58	58

Sumber : Borang Soal selidik

Berikut merupakan jadual tentang pandangan responden berkaitan hukum merokok sebenar dari kaca mata mereka. Rata-rata responden menolak hukum yang dikemukakan oleh jumhur fuqaha' di mana 58 % kajian menunjukkan hukum makruh dan 3 % menyatakan hukumnya harus. Alasan yang kuat di kalangan mereka adalah

merokok tidak memabukkan dan bukan dari jenis yang memabukkan. Tambahan lagi, ada segelintir ulama telah menyokong dan memberi hujah mengenainya. Manakala 24 % peratus lagi menyebut sebagai sunat. Keadaan semakin bertambah runcing, apabila 7 % responden menyebut hukumnya sebagai wajib. Ini merupakan satu tamparan hebat terhadap keputusan pengharaman rokok oleh jumhur fuqaha' di mana faktor pendidikan yang lemah menyebabkan masyarakat semakin terpinggir dengan maklumat. Sementara itu, 8 % menyokong hukum haram, namun mereka tetap merokok.

#### 4.3.3 Sebab-sebab Merokok

Berikut merupakan sebab-sebab merokok yang dikenal pasti puncanya. Dari soal-selidik yang dilakukan, terdapat tujuh punca utama mengapa situasi merokok terus menerus menghantui kalangan perokok. Kumpulan sangat bersetuju dengan bersetuju dikategorikan dalam satu kumpulan yang sama. Manakala kurang bersetuju dikategorikan dalam kumpulan sebaliknya. Ini bertujuan untuk memperoleh perbandingan yang boleh diperhatikan melalui sebab. Sebab-sebabnya ialah ;

i- Sosial

Sosial bermaksud satu keadaan kehidupan atau gaya hidup seseorang atau sesebuah masyarakat yang dikaitkan dengan budaya yang wujud dalam sesuatu komuniti kumpulan masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebab sosial memainkan peranan keluasan sektor ini. Hasil kaji selidik yang dijalankan mengakui bahawa ia adalah

penyebab utama iaitu 30 % responden sangat bersetuju dan 45 % lagi bersetuju. Hanya 25 % sahaja yang masih kurang bersetuju faktor sosial sebagai penyebab utama merokok. Secara keseluruhannya, jika dibandingkan di antara nisbah peratus mengaku dengan kurang mengaku ialah 75 % dan 25 %. Jadualnya adalah seperti berikut;

Jadual 4.3.3a : Merokok Kerana Sosial

Sebab Sosial	n = 100	%
Sangat Setuju	30	30
Setuju	45	45
Kurang Setuju	25	25

Sumber : Borang Soal Selidik

#### ii- Rangsangan

Berikut adalah hasil kajian berdasarkan sebab-sebab rangsangan sebagai punca merokok. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa 25 % responden sangat bersetuju dengan sebab rangsangan sebagai salah satu punca dan disokong dengan responden yang bersetuju iaitu sebanyak 48 %. Manakala golongan yang kurang mengakuinya hanyalah seramai 27 % sahaja. Maka keseluruhan bandingannya ialah 73 % responden mengakuinya dan sebaliknya adalah 27 % sahaja. Jadualnya adalah seperti berikut;

Jadual 4.3.3b : Merokok Kerana Rangsangan

Sebab Rangsangan	n = 100	%
Sangat Setuju	25	25
Setuju	48	48
Kurang Setuju	27	27

Sumber : Borang Soal selidik

iii- Sebagai Aktiviti Tangan dan Mulut

Berikut adalah hasil dapatan sebab merokok akibat dari aktiviti tangan dan mulut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 25 % responden sangat bersetuju, manakala 40 % responden bersetuju dengan sebab ini. Hanya 35 % responden sahaja yang kurang bersetuju dengannya. Bandingan pecahan antara mereka yang bersetuju dengan sebaliknya adalah 65 % berbanding 35 %. Jadualnya adalah seperti berikut;

Jadual 4.3.3c : Merokok Sebab Aktiviti Tangan & Mulut

Aktiviti Tangan dan Mulut	n = 100	%
Sangat Setuju	25	25
Setuju	40	40
Kurang Setuju	35	35

Sumber : Borang Soal Selidik

iv- Merasai Nikmat Kerehatan

Antara sebab merokok lain ialah perokok merasai nikmat kerehatan yang sebenar. Dapatan kajian menunjukkan hanya 27 % responden kurang bersetuju dengan sebab ini. Manakala 43 % responden bersetuju dengan sebab ini selain 30 % lagi sangat bersetuju dengannya.

Jadualnya adalah seperti berikut;

Jadual 4.3.3d : Merokok Sebagai Kerehatan Yang Nikmat

Kerehatan Yang Nikmat	n = 100	%
Sangat Setuju	30	30
Setuju	43	43
Kurang Setuju	27	27

Sumber : Borang Soal Selidik

v- Mengurangkan Ketegangan

Berikut merupakan sebab merokok untuk mengurangkan atau boleh mengurangkan ketegangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 40 % responden menolak sebab ini. Manakala 28 % sangat bersetuju dengan sebab sebagai punca merokok, sementara 32 % lagi bersetuju dengan sebab ini. Bandingan antara bersetuju dengan kurang setuju adalah sebanyak 20 %. Ini menunjukkan bahawa ia

merupakan satu sebab gejala merokok terus berleluasa. Jadualnya adalah seperti di bawah;

Jadual 4.3.3e : Merokok Boleh Mengurangkan Ketegangan

Mengurangkan Ketegangan	n = 100	%
Sangat Setuju	28	28
Setuju	32	32
Kurang Setuju	40	40

Sumber : Borang Soal Selidik

vi- Ketagihan

Jadual 4.3.3f : Merokok Disebabkan Ketagihan

Ketagihan	n = 100	%
Sangat Setuju	45	45
Setuju	25	25
Kurang Setuju	30	30

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan merokok disebabkan ketagihan. Hasil kaji selidik yang dijalankan telah menunjukkan bahawa 45 % responden sangat bersetuju bahawa mereka amat ketagih rokok. Sementara itu, 25 % lagi mengakui hakikat ini dan 30 % lagi kurang bersetuju dengan

sebab ini. Jika dibandingkan antara dua sektor bersetuju dengan kurang setuju menunjukkan nisbah yang amat besar perbezaannya. Ini menyokongnya sebagai penyebab rokok terus berkembang.

#### vii- Tabiat Spontan

Jadual 4.3.3g : Merokok Kerana Tabiat Spontan

Tabiat Spontan	n = 100	%
Sangat Setuju	15	15
Setuju	32	32
Kurang Setuju	53	53

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan merokok kerana tabiat Spontan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa 15 % sangat bersetuju dengan hakikat ini, sementara 32 % lagi bersetuju dengan keadaan yang mengganggu mereka dan 53 % kurang bersetuju bahawa merokok boleh terjadi disebabkan tabiat spontan.

Secara keseluruhan, dengan melihat kepada tujuh sektor di atas, jelas menunjukkan bahawa kajian responden menepati maksud kajian agar rokok dihukum sebagai haram. Ini memandangkan dari semua sektor di atas, 30 % merupakan perokok yang sangat aktif. Manakala 45 % lagi merupakan perokok yang aktif dan selebihnya iaitu 25 % merupakan perokok yang kurang aktif. Ada kemungkinan

jumlah peratusan ini akan berubah menjadi meningkat dengan sebab-sebab dari sektor di atas.

#### 4.4 Penutup

Berdasarkan hasil kaji selidik yang dilakukan oleh pengkaji, maka merokok bukanlah satu perkara yang baik. Akibat proses urbanisasi dalam masyarakat yang semakin terdedah dengan perkembangan semasa, maka merokok tidak dianggap sebagai perbuatan yang tercela, malah dianggap sebagai perkara biasa. Fenomena ini akan berterusan sekiranya tidak ada satu tindakan khusus oleh pihak berwajib. Penetapan hukum haram merokok merupakan langkah terbaik bagi menangani segala masalah yang berpunca dari rokok. Ini kerana masalah merokok bukan sekadar satu masalah sahaja, bahkan sebenarnya ia membebankan masyarakat dan negara dengan punca masalah lain; antaranya penyeludupan rokok untuk mengelak cukai atau duti import, masalah dadah yang semakin berkembang yang ada kaitannya dengan masalah rokok serta penyeludupannya, masalah kehakiman akibat kedua-dua punca di atas yang tidak menguntungkan negara dan masyarakat, kerja-kerja membanteras yang dilakukan oleh badan keselamatan negara bertambah yang sepatutnya mereka boleh menumpukan masalah-masalah lain yang lebih penting dan masalah-masalah baru yang lain.